

**Remaja Malaysia Antara Pemenang Utama Pertandingan Melukis Global
Bernama
25 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Ka Mun Leong, 14, mengharumkan nama Malaysia apabila muncul pemenang tempat kedua Pertandingan Melukis Kanak-kanak Antarabangsa Mengenai Alam Sekitar Ke-12, yang dianjurkan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP).

Ia merupakan pencapaian mengagumkan bagi Ka berikutan pertandingan itu menerima lebih 630,000 penyertaan.

Remaja itu menghasilkan lukisan sebuah jam yang dibahagi kepada dua, sebelah daripada jam itu memaparkan pencemaran, kebakaran dan kilang yang mengeluarkan asap tebal manakala di sebelah lagi memaparkan sungai yang bersih yang dikelilingi pelbagai jenis pokok dan haiwan.

Bagi lukisannya itu yang berwarna-warni, Ka akan menerima hadiah US\$1,000 dan lawatan ke Persidangan Kanak-kanak Antarabangsa Tunza mengenai Alam Sekitar, bersama-sama enam lagi pemenang serantau, menurut kenyataan UNEP.

Hadiah utama berupa US\$2,000 dan lawatan dibiayai sepenuhnya untuk menghadiri Persidangan Tunza diraih Diana Fan, 13, dari Amerika Syarikat bagi karyanya yang memaparkan seekor penguin di samping menggabungkan suasana lautan, hutan dan angin kencang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683092>

